

**PANDUAN PELAKSANAAN NAIK TARAF PROGRAM SARJANA KEPADA DOKTOR FALSAFAH
(CONVERSION OF CANDIDATURE) MOD PENYELIDIKAN**

KANDUNGAN

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. PANDUAN PELAKSANAAN
 - 3.1. SYARAT KEMASUKAN
 - 3.2. LAIN-LAIN SYARAT
 - 3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN
 - 3.4. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN
 - 3.5. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI
 - 3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR
 - 3.9. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN
 - 3.10. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN
4. URUSAN PENYELIDIKAN
5. PEPERIKSAAN
6. SYARAT PENGANUGERAHAN

1. PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini adalah sebagai panduan bagi pelajar Sarjana yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Universiti untuk Naik Taraf Program Sarjana ke Doktor Falsafah.
- 1.2. Pelaksanaan Naik Taraf Program ini terbuka kepada pelajar tempatan dan antarabangsa sepenuh masa sahaja. Namun pelajar boleh menukar ke separuh masa setelah lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.
- 1.3. Kaedah ini juga terbuka kepada calon pelajar dalam bidang dan tanpa kelayakan dalam bidang. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian.
- 1.4. Senat mempunyai autonomi untuk meluluskan Naik Taraf Program calon-calon yang layak berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan keputusan penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

2. DEFINISI

2.1. Naik Taraf Program

Penukaran Program Sarjana ke Doktor Falsafah dengan melalui penilaian dalaman yang rapi (*rigorous internal evaluation*) seperti penilaian Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*).

2.2. Kursus Teras Penyelidikan

Kursus-kursus wajib lulus yang berkaitan dengan penyelidikan untuk pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

2.3. Kursus Elektif Penyelidikan

Kursus-kursus yang ditetapkan oleh Universiti sebagai syarat penganugerahan untuk pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

2.4. Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*)

Kaedah penilaian yang mengesahkan kelayakan pencalonan pelajar ke Doktor Falsafah. Status pencalonan akan kekal dengan Sarjana sekiranya pelajar gagal penilaian ini.

3. PANDUAN PELAKSANAAN

3.1. SYARAT KEMASUKAN

- 3.1.1. Calon pelajar mesti memenuhi syarat kelayakan masuk seperti yang tertera dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang terkini.

3.2. LAIN-LAIN SYARAT

- 3.2.1. Naik taraf program Sarjana ke Program Doktor Falsafah hanya dibenarkan kepada pelajar Sarjana Mod Penyelidikan di UMPSA.
- 3.2.2. Pelajar Sarjana yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda atau bidang yang berkaitan dengan:
- PNGK ≥ 3.00 ; ATAU
 - $2.75 \leq \text{PNGK} < 3.00$ dengan 10 tahun pengalaman bekerja di bidang berkaitan
- 3.2.3. Calon Pelajar boleh naik taraf program pengajian perlu memenuhi syarat-syarat berikut:
- permohonan secara dalam talian perlu dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan bagi pelajar mod sepenuh masa manakala dalam tempoh dua puluh empat bulan (24) bulan bagi pelajar mod separuh masa; DAN
 - telah menerbitkan dua (2) artikel dalam pascasidang persidangan berindeks SCOPUS/WOS/ERA ATAU menerbitkan satu (1) **aritikel** dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS/ERA; DAN
 - telah berjaya membuktikan kecemerlangan penyelidikan dan diperakui oleh panel penilai dalaman semasa pembentangan kertas kerja cadangan; DAN
 - permohonan naik taraf program telah mendapat kelulusan Senat.
- 3.2.4. Pelajar hanya dibenarkan mengemukakan permohonan **sekali** sepanjang tempoh pengajian.
- 3.2.5. Permohonan pelajar untuk Naik Taraf Program perlu mendapat kelulusan Fakulti/ Pusat dan pembentangan Kertas Kerja Pencalonan perlu berlaku dalam tahun pertama pengajian.

Permohonan Naik Taraf Program perlu mendapat kelulusan Senat selewat-lewatnya pada semester tiga (3).

- 3.2.6. Pelajar perlu lulus tiga (3) Kursus Kompetensi dalam tempoh dua (2) tahun selepas lulus pembentangan Kertas Kerja Pencalonan bagi pelajar sepenuh masa manakala tiga (3) tahun selepas lulus pembentangan Kertas Kerja Pencalonan bagi pelajar separuh masa sebagai syarat penganugerahan.
- 3.2.7. Penghantaran notis penyerahan tesis untuk peperiksaan lisan hanya boleh dibuat seawal enam (6) bulan dari tempoh minimum pengajian.

3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN

- 3.3.1. Semua pelajar sepenuh masa diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian pada seperti dalam Jadual 1.
- 3.3.2. Bagi pelajar separuh masa, pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian mengikut ketetapan dan prasyarat penilaian dalam tempoh pengajian pelajar separuh masa.
- 3.3.3. Keputusan penilaian adalah mengikut sistem gred seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

Jadual 1

SEMESTER	KOD DOKTOR FALSAFAH	COURSE / ASSESSMENT NAME	GRED/STATUS	PRASYARAT
1	MIR1103	<i>Research Methodology</i>	HL/TS	
	MIP1100	<i>Progress Report 1</i>	MM/TM	
2	MID4400	<i>Candidature Defense[^]</i>	LULUS/GAGAL	MIR1103
	MIC2200	<i>Publication of Articles</i>	HL/TS	
	MIP1200	<i>Progress Report 2</i>	MM/TM	
3	PIC1300	<i>Colloquium/Seminar</i>	HL/TS	
	P** ***3	<i>Competency Course 1</i>	HL/TS	
	PIP1100	<i>Progress Report 1</i>	MM/TM	
4	PIC3400	<i>Publication of Articles II</i>	HL/TS	
	P** ***3	<i>Competency Course 2</i>	HL/TS	
	PIP1200	<i>Progress Report 2</i>	MM/TM	
5	P** ***3	<i>Competency Course 3</i>	HL/TS	
	PID2500	<i>Pre-Examination</i>	HL/TS	MID4400; PIC1300; MIC2200; PIC3400
	PIP1500	<i>Progress Report 5</i>	MM/TM	
6	PID3600	<i>Final Examination</i>	LULUS/GAGAL	PID2500
	PIP1600	<i>Progress Report 6</i>	MM/TM	

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

3.3.4. Penilaian Kertas Kerja Pencalonan

- a. Penilaian Kertas Kerja Pencalonan perlu berlaku selewat-lewatnya semester kedua (pelajar sepenuh masa) atau semester keempat (pelajar separuh masa).
- b. Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Pencalonan perlu dianggotai oleh:
 - i. Profesor yang berlainan bidang dari Fakulti/ Pusat yang berbeza sebagai Pengerusi.
 - ii. Penyelia Utama
 - iii. Dua (2) pakar dalaman yang diluluskan oleh Fakulti yang merupakan pakar dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.

- iv. Sekretariat.
(Perkara i-iv adalah keahlian minimum bagi Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Pencalonan, Fakulti/ Pusat boleh menambah keahlian lain berdasarkan keperluan)
- c. Laporan Jawatankuasa Penilaian hendaklah mengandungi semua yang berikut:
 - i. Penemuan Penyelidikan penting oleh pelajar: Kesesuaian pelajar dengan topik penyelidikan yang dicadangkan baharu; sama ada pelajar tersebut mempunyai kebolehan dan bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan dalam semua aspek masalah serta dapat mengintegrasikan hasil dapatan ke dalam korpus pengetahuan saintifik.
 - ii. Perkara-perkara berikut mesti dipertimbangkan dalam menentukan 'kepentingan' penemuan penyelidikan: Ia mesti dinyatakan dengan jelas tentang perbezaan antara cadangan penyelidikan baru berbanding dengan cadangan asal; dari aspek metodologi, skop penyelidikan dan peringkat analisis. Pelajar menulis/hasil eksperimen mesti menunjukkan bukti konkrit bahawa ia mencapai tahap di mana penemuan baru/konsep semula mungkin. Maknanya, luahan harapan sahaja tidak mencukupi.
 - iii. Kepentingan kesinambungan penyelidikan.
- d. Keputusan Jawatankuasa Penilaian hendaklah dibentangkan kepada Majlis Fakulti untuk kelulusan dan seterusnya dikemukakan kepada MPSU dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan diterima. Dokumen berikut mesti dikemukakan bersama;
 - i. Cadangan penyelidikan disahkan oleh Penyelia Utama.
 - ii. Laporan Penyelia Utama tentang kemajuan/pencapaian terkini penyelidikan pelajar.
 - iii. Laporan Dua (2) Pemeriksa Dalam.
 - iv. Pengesahan kehadiran ahli Jawatankuasa Penilaian.
 - v. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dengan pengesahan permohonan pelajar sama ada diluluskan atau tidak.
 - vi. Laporan Jawatankuasa Penilaian (berdasarkan pembentangan yang dilakukan oleh pelajar semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian).
 - vii. Pengesahan oleh Majlis Fakulti.

viii. Syor untuk penukaran dibentangkan dalam MPSU dan Senat.

3.4. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN

3.4.1. Pelajar antarabangsa bertanggungjawab sepenuhnya dalam memenuhi peraturan visa dan imigresen yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

3.5. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

3.5.1. Lantikan Penyelia Utama/ Penyelia Bersama Dalam/ Penyelia Bersama Luar/ Penyelia Lapangan adalah berdasarkan kelayakan dan syarat lantikan seperti yang tertera di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang terkini dan bergantung kepada kelulusan Fakulti.

3.6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI

3.6.1. Fakulti perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dihantar pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.

3.6.2. Fakulti perlu memastikan pelajar melalui dan lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan

3.6.3. Fakulti perlu memastikan kelulusan permohonan diluluskan oleh Senat dalam tempoh tahun pertama pengajian.

3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

3.7.1. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam memastikan pelajar lulus kursus-kursus teras yang berkaitan penyelidikan (seperti Metodologi Penyelidikan) dan kursus-kursus elektif yang diperlukan (seperti Kursus Kompetensi).

3.7.2. Penyelia Utama perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dinilai pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.

3.7.3. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar lulus penilaian-penilaian yang telah ditetapkan mengikut struktur program (Jadual 1) pada setiap semester.

3.7.4. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar melalui dan lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

3.8.1. Pelajar perlu lulus kursus-kursus teras dan elektif seperti yang telah ditetapkan oleh Penyelia Utama.

3.8.2. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1.

3.8.3. Pelajar perlu mengisi kemajuan penyelidikan pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.

3.8.4. Pelajar perlu lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan. Pelajar akan dikekalkan di program Sarjana jika pelajar tidak memenuhi kelayakan atau gagal penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

3.8.5. Pelajar tertakluk kepada semua peraturan universiti dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sepanjang tempoh pengajian.

3.9. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN

3.9.1. Pelajar yang lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan akan meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Pada ketika ini, pelajar tidak dibenarkan untuk menukar kaedah pengajian samada ke Penyeliaan Jarak Jauh, Industri, Penerbitan dan Laluan Pantas.

3.10 PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

3.9.2. Pelajar dibenarkan untuk melanjutkan tempoh pengajian Doktor Falsafah selepas lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

- 3.9.3. Proses permohonan perlanjutan tempoh pengajian perlu dipatuhi seperti yang tercatat di dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

4. URUSAN PENYELIDIKAN

- 4.1. Status pencalonan Doktor Falsafah diteruskan selepas pelajar lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.
- 4.2. Bagi pelajar sepenuh masa, tempoh pengajian selepas lulus pembentangan Kertas Kerja Pencalonan adalah dua (2) tahun (menjadikan jumlah keseluruhan pengajian adalah tiga (3) tahun sekiranya penilaian Kertas Kerja Pencalonan berlaku di Semester 2).
- 4.3. Bagi pelajar yang menukar pengajian secara separuh masa selepas penilaian Kertas Kerja Pencalonan, tempoh pengajian selepas lulus pembentangan Kertas Kerja Pencalonan adalah tiga (3) tahun (menjadikan jumlah keseluruhan pengajian adalah empat (4) tahun sekiranya penilaian Kertas Kerja Pencalonan berlaku di Semester 2).
- 4.4. Penilaian Kertas Kerja Cadangan (*Proposal Defense*) digantikan dengan penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

5. PEPERIKSAAN

- 5.1. Semua proses dan syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi seperti yang tercatat didalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

6. SYARAT PENGANUGERAHAN

- 6.1. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1.
- 6.2. Pelajar telah menjelaskan segala bayaran yuran yang telah ditetapkan.
- 6.3. Maklumat lanjut berkaitan penganugerahan boleh rujuk buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.